

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN ANUAR BIN ABD MANAP  
KAWASAN : SEKIJANG**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ANUAR BIN ABD MANAP** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk projek melebar, melurus dan menaik taraf jalan yang menghubungkan Buluh Kasap dan Genuang di daerah Segamat selepas proses mengambil alih jalan tersebut dari pihak berkuasa tempatan selesai dibuat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaiktaraf jalan yang menghubungkan Buluh Kasap dan Genuang di daerah Segamat tidak termasuk di dalam *Highway Network Development Plan* (HNDP) Kementerian Kerja Raya dan juga tidak termasuk dalam senarai keutamaan negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia menerima cadangan daripada pihak negeri untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan* RMKe-11 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.